



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

**BAYARAN FI PELAN-PELAN KADASTER DALAM CETAKAN BERWARNA
MENGIKUT SAIZ UKURAN KERTAS**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Dasar dan Penyelarasan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Perancangan dan Korporat

Edaran Luaran:

Setiausaha,
Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

**BAYARAN FI PELAN-PELAN KADASTER DALAM CETAKAN BERWARNA
MENGIKUT SAIZ UKURAN KERTAS**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, pada asasnya, bayaran fi bagi perkhidmatan dan penggunaan data ukur dan pemetaan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam **Perintah Fi dan Bayaran (Perkhidmatan, Data Ukur dan Pemetaan serta Reproduksi) 2010 [P.U. (A) 410]**. Bayaran fi bagi perkhidmatan dan penggunaan data ukur dan pemetaan dinyatakan dalam ruang (2) di bawah kepala 2 Jadual Pertama Perintah tersebut.

2. Pada masa ini terdapat keperluan untuk memenuhi permintaan mencetak pelan-pelan kadaster berwarna. Jabatan ini mendapati pelan-pelan kadaster berwarna seperti Pelan Akui, Peta Indeks, Pelan Warta, Pelan Pelbagai, Peta Kadaster dan Pelan Akui Strata adalah maklumat ukur kadaster yang tidak dinyatakan dalam ruang (1) di bawah kepala 2 Bahagian (a) Jadual Pertama Perintah tersebut.


3. Sehubungan itu, merujuk kepada Jadual Kedua Perintah tersebut, fi dan bayaran bagi perkhidmatan serta data ukur dan pemetaan yang tidak tersenarai di bawah kepala 1 hingga 5 Jadual Pertama hendaklah ditentukan dengan mengambil kira kos sebenar pekerjaan dan bahan.

4. Oleh yang demikian, untuk menentukan bayaran fi bagi mencetak pelan-pelan kadaster berwarna, Jabatan ini telah mengambil kira kos sebenar pekerjaan, harga *toner* dan saiz kertas yang digunakan melalui hasil kajian pasaran dan maklumat daripada Pengarah-pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri (PUPN).

5. Justeru, bayaran fi bagi cetakan pelan-pelan kadaster berwarna telah ditetapkan sepertimana di **Lampiran A**. Penetapan bayaran fi ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'SR Ahmad Fauzi Bin Nordin', written over a horizontal line.

(SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN, JSM, SMZ, KMN)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia

LAMPIRAN A

Maklumat Ukur Kadaster dan Pemetaan

Membuat salinan kertas berwarna pelan-pelan Kadaster adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	HARGA (RM)
1.	Saiz maksimum A0 (841mm x 1189mm) bagi satu salinan	25.00
2.	Saiz maksimum A1 (594mm x 841mm) bagi satu salinan	20.00
3.	Saiz maksimum A2 (420mm x 594mm) bagi satu salinan	15.00
4.	Saiz maksimum A3 (297mm x 420mm) bagi satu salinan	10.00
5.	Saiz maksimum A4 (210mm x 297mm) bagi satu salinan	7.00